

**PEMEROLEHAN '*PEDAGOGICAL CONTENT
KNOWLEDGE*' GURU DALAM PENGAJARAN
PENDIDIKAN MUZIK PRASEKOLAH JABATAN
KEMAS DI NEGERI SABAH**



LUCY GAWIS @ NORANISSA ABDULLAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PEMEROLEHAN '*PEDAGOGICAL CONTENT
KNOWLEDGE*' GURU DALAM PENGAJARAN
PENDIDIKAN MUZIK PRASEKOLAH JABATAN
KEMAS DI NEGERI SABAH**

LUCY GAWIS @ NORANISSA ABDULLAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PEMEROLEHAN 'PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE' GURU
DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN MUZIK PRASEKOLAH
JABATAN KEMAS DI NEGERI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENDIDIKAN MUZIK**

Saya **LUCY GAWIS@NORANISSA ABDULLAH**, Sesi **2011-2022**, mengaku membenarkan tesis *Doktoral* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

**LUCY GAWIS@NORANISSA
ABDULLAH
PY20119076**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 17 Mei 2022

(Prof. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Januari 2022

.....

Lucy Gawis@Noranissa Abdullah

PY20119076



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : LUCY GAWIS @ NORANISSA ABDULLAH
NO. MATRIK : PY20119067
TAJUK : PEMEROLEHAN 'PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE'
GURU DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN MUZIK
PRASEKOLAH JABATAN KEMAS DI NEGERI SABAH
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH
BIDANG : PENDIDIKAN MUZIK
TARIKH VIVA : 20 JANUARI 2022



DISAHKAN OLEH;

UMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan

2. PENYELIA BERSAMA

Encik Resot Iggau

PENGHARGAAN

Segala pujian ke hadirat Allah dan segala limpah kurnia hidayah yang diberikan kepada saya akhirnya saya berjaya menyiapkan disertasi saya ini. Sesungguhnya dengan rahmat dan berkat serta segala izin daripada Allah menyebabkan saya mampu menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya yang sentiasa sabar dan ikhlas dalam memberikan bimbingan pada setiap masa kepada saya untuk menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Penyelia saya bukan hanya sekadar mengajar saya tetapi telah banyak memberikan kata-kata semangat yang telah banyak menghidupkan kembali semangat belajar saya yang hampir mati. Ilmu, jasa dan segala kebaikan penyelia saya akan sentiasa saya kenang dan berada dalam doa saya setiap waktu.

Tidak lupa juga kepada pihak fakulti yang banyak memberikan panduan dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian. Jasa kalian tidak akan pernah saya lupakan sampai bila-bila. Segala pengalaman yang saya lalui di fakulti pendidikan ini merupakan kenangan yang terindah bagi saya kerana berada di tahap pengajian peringkat PHD.

Seterusnya saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang telah berkorban masa, tenaga dan wang ringgit membantu saya selama pengajian saya. Di atas kesabaran dan kasih sayang kamu, hanya Yang Maha Kuasa saja yang dapat membalasnya.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya yang sentiasa memberikan galakan dan dorongan serta memberikan peluang kepada saya untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan mutu dalam penulisan dan keseluruhan hasil kajian.

Lucy Gawis@Noranissa Abdullah
20 Januari 2022

ABSTRAK

Dalam sistem pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik terdapat banyak keperluan yang perlu dipenuhi oleh seorang insan yang bergelar guru prasekolah. Dalam situasi ini guru prasekolah perlu memikirkan penggunaan sesuatu kaedah ataupun pendekatan yang bersesuaian untuk menyelesaikan perkara ini daripada terus berlaku. Sehubungan dengan itu, kajian ini diusahakan untuk mengkaji *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) pendidikan muzik yang diperlukan oleh guru prasekolah Jabatan KEMAS di Sabah dan meneliti peranan latihan pembangunan profesional (LPP) sebagai sumber pemerolehan PCK pendidikan muzik prasekolah. Kajian ini ada tiga Objektif iaitu: (i) menghuraikan konsep pelaksanaan *Pedagogical Content Knowledge* pendidikan muzik guru prasekolah Jabatan KEMAS di negeri Sabah, (ii) meneliti bagaimanakah guru prasekolah Jabatan KEMAS di negeri Sabah memperolehi *Pedagogical Content Knowledge* pendidikan muzik, dan (iii) mengenal pasti bidang latihan pembangunan profesional pendidikan muzik yang diperlukan oleh guru prasekolah Jabatan KEMAS di negeri Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan *sequential explanatory* di mana pendekatan kuantitatif telah diambil untuk mencapai objektif pertama, manakala pendekatan kualitatif digunakan untuk mencapai objektif kedua dan ketiga. Hasil kajian menunjukkan guru muzik di prasekolah KEMAS menggunakan pelbagai cara untuk memperoleh dan melaksanakan PCK dan terdapat kesan positif yang signifikan dalam penggunaan PCK dalam pendidikan muzik. Ia juga mengesahkan keperluan latihan pembangunan profesional sebagai sumber pemerolehan PCK dalam pendidikan muzik dan menunjukkan bahawa LPP ini memberi kesan positif terhadap keberkesanan pengajaran guru prasekolah. Hasil dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan penggunaan PCK merupakan memberikan implikasi yang besar dalam memperkembangkan korpus ilmu pengetahuan pendidikan pada masa kini dan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran yang dapat dilakukan secara menyeluruh.

Kata kunci: pendidikan muzik, *Pedagogical Content Knowledge*, latihan pembangunan profesional, guru prasekolah, Jabatan KEMAS, Sabah

ABSTRACT

THE ACQUISITION OF PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE OF TEACHERS IN THE TEACHING MUSIC EDUCATION IN DEPARTMENT OF KEMAS PRESCHOOLS, IN SABAH

In the teaching and learning system of music education there are many requirements that need to be met by preschool teachers. In many classroom situations, preschool teachers need to think about the use of an appropriate methods or approaches to solve pressing issues instead of simply allowing these issues to prevail and continue. Due to this pertinent concern, this study seeks to examine the Pedagogical Content Knowledge (PCK) of music education that preschool teachers of the KEMAS Department in Sabah must acquire and to investigate the role of professional development training (LPP) as a source of acquisition of PCK preschool music education. This study had three objectives, namely: (i) to describe the concepts and implementation of Pedagogical Content Knowledge in music education for preschool teachers of the KEMAS Department in Sabah, (ii) to examine how preschool teachers of the KEMAS Department in Sabah acquire Pedagogical Content Knowledge for music education, and (iii) to identify professional development training in music education that is required by preschool teachers of the KEMAS Department in the state of Sabah. In this study, the researcher utilised an explanatory sequential research design in which a quantitative approach was taken to achieve the first objective, while a qualitative approach was used to achieve the second and third objectives. The results of the study showed that music teachers in KEMAS preschools use a variety of ways to acquire and implement PCK and there is a significant positive effect in their use of PCK in music education. It also confirmed the need for professional development training as a source of acquisition of PCK in music education and showed that this LPP has a positive effect on the teaching effectiveness of preschool teachers. The results of this study as a whole show that the use of PCK has great implications in developing the corpus of educational knowledge and in solving problems regarding teaching and learning that can be done comprehensively.

Keywords: music education, Pedagogical Content Knowledge, professional development training, preschool teachers, KEMAS Department, Sabah

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	<i>vi</i>
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	18
1.4 Soalan Kajian	23
1.5 Objektif Kajian dan Batasan Kajian	23
1.6 Skop Kajian	23
1.7 Definisi Istilah	25
1.7.1 Pengetahuan Kandungan	25
1.7.2 Pengetahuan Pedagogi	27

1.7.3	<i>Pedagogical Content Knowledge (PCK)</i>	29
1.7.4	Latihan Perkembangan Profesionalisme	30
1.7.5	Kurikulum Pendidikan Muzik Prasekolah	30
1.7.6	Pengajaran	31
1.7.7	Kaedah Pengajaran Muzik	31
1.7.8	Pengurusan Bilik Darjah	32
1.8	Kepentingan Kajian	32
1.9	Penutup	33

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Konsep Pengetahuan Kandungan	35
2.3	Model <i>Pedagogical Content Knowledge</i>	37
2.4	<i>Pedagogical Content Knowledge</i> dalam Pendidikan Muzik Prasekolah	48
2.5	Latihan Pembangunan Profesional	51
	2.5.1 Model Latihan Pembangunan Profesional	55
2.6	Kajian-kajian Lepas	57
	2.6.1 Kajian-kajian Lepas Berkenaan <i>Pedagogical Content Knowledge</i> Pendidikan Muzik Guru Prasekolah	58
	2.6.2 Kajian-kajian Lepas Berkenaan Pemerolehan <i>Pedagogical Content Knowledge</i> Pendidikan Muzik	72
	2.6.3 Kajian-kajian Lepas Berkenaan Pemerolehan <i>Pedagogical Content Knowledge (PCK)</i>	81

2.6.4	Kajian-kajian Lepas Berkenaan Bidang Latihan Pembangunan Profesional Pendidikan Muzik yang Diperlukan Oleh Guru Prasekolah	88
2.7	Penutup	96
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	97
3.2	Reka Bentuk Kajian	97
3.3	Populasi Kajian	99
3.4	Kaedah Persampelan	102
3.5	Pemilihan Peserta Kajian Bagi Kajian Kuanlitatif	106
3.6	Instrumen Kajian	107
3.7	Kesahan Instrumen Soal Selidik Serta Instrumen Rangka Temu Bual	109
3.8	Hasil Kesahan Pakar	111
3.9	Kajian Rintis	112
3.9.1	Nilai Kebolehpercayaan Keseluruhan Konstruk	115
3.9.2	Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Item/Konstruk	115
3.10	Penyaringan Data	120
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	124
3.12	Ujian Ketekalan Bagi Taburan Data Kajian Rintis	125
3.13	Prosedur Pengumpulan Data	125
3.14	Prosedur Penganalisan Data	126
3.15	Penutup	127

BAB 4: KONSEP PERLAKSANAAN DAN PEROLEHAN *PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE* DALAM KALANGAN GURU MUZIK PRASEKOLAH KEMAS

4.1	Pengenalan	128
4.2	Kesahan dan Keboehpercayaan Kajian	130
4.3	Analisis Kenormalan Data	137
	4.3.1 Analisis Normaliti Bagi Keseluruhan Konstruk Instrumen	137
4.4	Dapatan Kuantitatif	138
	4.4.1 Analisis Data Nilai dan Peratus Bagi Setiap Item	139
	4.4.2 Nilai Min dan <i>Standard Deviation</i>	170
	4.4.3 Analisis Korelasi	174
	4.4.4 Analisis Anova Sehalah	176
4.5	Dapatan Kualitatif	177
	4.5.1 Pengetahuan Kandungan Muzik	178
	4.5.2 Pengetahuan Pedagogi Muzik	183
4.6	Penutup	189

BAB 5: LATIHAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

5.1	Pengenalan	190
5.2	Latihan Pembangunan Profesional	191
5.3	Refleksi Secara Keseluruhan	197
5.4	Penutup	197

BAB 6: PERBINCANGAN

6.1	Pengenalan	199
6.2	Analisis Temu Bual Analisis Data Kuantitatif	200
6.3	Penutup	223

BAB 7 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	
7.1 Implikasi Terhadap <i>Pedagogical Content Knowledge</i> (PCK)	224
7.2 Implikasi Terhadap Pendidikan Muzik Awal Kanak-kanak	225
7.3 Implikasi Terhadap Latihan Pembangunan Profesional Pendidikan Muzik Guru Prasekolah	226
7.4 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	230
7.5 Kesimpulan	232
RUJUKAN	233
LAMPIRAN	259



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Kandungan Kurikulum Pendidikan Muzik Prasekolah	8
Jadual 3.1 : Taburan Bilangan Prasekolah dan Guru Prasekolah Mengikut Lokasi Kajian	101
Jadual 3.2 : Sedutan Jadual Penentu Sampel Krejcie dan Morgan	104
Jadual 3.3 : Kesahan Pakar Rujuk	111
Jadual 3.4 : Tafsiran Nilai <i>Cronbach Alpha</i> (α) <i>Correlation Coefficients</i>	114
Jadual 3.5 : Laporan Ujian Rintis	114
Jadual 3.6 : Nilai Kebolehpercayaan Keseluruhan Konstruk	115
Jadual 3.7 : Ringkasan Kebolehpercayaan Keseluruhan Konstruk	115
Jadual 3.8 : Nilai Kebolehpercayaan Pembelajaran Formal	116
Jadual 3.9 : Nilai Kebolehpercayaan Bagi Platform Secara Atas Talian	116
Jadual 3.10 : Nilai Kebolehpercayaan Apresiasi Seni Dalam Lirik	116
Jadual 3.11 : Nilai Kebolehpercayaan Rangsangan Audio dan Pendengaran	117
Jadual 3.12 : Nilai Kebolehpercayaan Kaedah Pembelajaran	117
Jadual 3.13 : Nilai Kebolehpercayaan Alatan Muzik	118
Jadual 3.14 : Nilai Kebolehpercayaan Kreativiti Sendiri	118
Jadual 3.15 : Nilai Kebolehpercayaan Penerokaan	118
Jadual 3.16 : Saringan Data Platform Kursus Formal	121
Jadual 3.17 : Saringan Data Platform Atas Talian	121

Jadual 3.18	: Platform Apresiasi Seni Dalam Muzik	121
Jadual 3.19	: Saringan Data Platform Rangsangan Audio dan Pendengaran	122
Jadual 3.20	: Saringan Data Platform Kaedah Pembelajaran	122
Jadual 3.21	: Saringan Data Platform Alatan Muzik	122
Jadual 3.22	: Saringan Data Platform Kreativiti Kendiri	123
Jadual 3.23	: Saringan Data Platform Penerokaan	123
Jadual 3.24	: Pelaksanaan Kajian	126
Jadual 4.1	: <i>Case Processing Summary</i>	129
Jadual 4.2	: Kebolehpercayaan Data (<i>Reliability Statistics</i>)	129
Jadual 4.3	: Bacaan <i>Cronbach Alpha (If Item Deleted)</i>	130
Jadual 4.4	: Bacaan Skala Statistik Cronbach Alpha (<i>If Item Deleted</i>) <i>Scale Statistics</i>	137
Jadual 4.5	: Analisis Normaliti Bagi Keseluruhan Konstruk	138
Jadual 4.6	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B1	139
Jadual 4.7	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B2	140
Jadual 4.8	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B3	141
Jadual 4.9	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B4	141
Jadual 4.10	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B5	142
Jadual 4.11	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B6	143
Jadual 4.12	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B7	144
Jadual 4.13	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B8	144
Jadual 4.14	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B9	145
Jadual 4.15	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B10	146
Jadual 4.16	: Nilai Min dan Peratus Bagi Item B11	147

Jadual 4.17	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B12	147
Jadual 4.18	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B13	148
Jadual 4.19	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B14	149
Jadual 4.20	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B15	150
Jadual 4.21	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B16	150
Jadual 4.22	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B17	151
Jadual 4.23	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B18	152
Jadual 4.24	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B19	153
Jadual 4.25	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B20	154
Jadual 4.26	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B21	154
Jadual 4.27	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B22	155
Jadual 4.28	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B23	156
Jadual 4.29	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B24	157
Jadual 4.30	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B25	157
Jadual 4.31	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B26	158
Jadual 4.32	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B27	159
Jadual 4.33	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B28	160
Jadual 4.34	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B29	160
Jadual 4.35	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B30	161
Jadual 4.36	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B31	162
Jadual 4.37	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B32	163
Jadual 4.38	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B33	163
Jadual 4.39	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B34	164
Jadual 4.40	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B35	165

Jadual 4.41	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B36	166
Jadual 4.42	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B37	166
Jadual 4.43	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B38	167
Jadual 4.44	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B39	168
Jadual 4.45	:	Nilai Min dan Peratus Bagi Item B40	169
Jadual 4.46	:	Min dan <i>Standard Deviation</i>	170
Jadual 4.47	:	Nilai Analisis Korelasi	175
Jadual 4.48	:	Nilai Analisis Anova Sehala	176
Jadual 4.49	:	Informan Soalan Temubual 1	179
Jadual 4.50	:	Jawapan Informan Soalan Temubual 2	184
Jadual 4.51	:	Jawapan Informan Soalan Temu Bual Latihan Pembangunan Profesional	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 2.1 : <i>Pedagogical Content Knowledge</i> Shulman,1986	85
Rajah 3.1 : Jadual Penentu Sampel Krejcie & Morgan, 1970	104
Rajah 3.2 : Diadaptasi Daripada Model <i>Sequential Explanatory Design</i> Creswell, 2003	127



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


- KPM** - Kementerian Pendidikan Malaysia
- JPNIN** - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- PPPM** - Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
- KBAT** - Kemahiran Berfikir Aras Tinggi STEM dan TVET
- PCK** - *Pedagogical Content Knowledge*
- DSKP** - Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
- KSPK** - Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Instrumen Kajian	259
Lampiran B : Data Temu Bual (i)	274
Lampiran C : Data Temu Bual (ii)	278
Lampiran D : Data Temu Bual (iii)	284
Lampiran E : Data Ouput SPSS	289
Lampiran F : Data Output SPSS	303
Lampiran G : Data Output SPSS	314
Lampiran H : Data Output SPSS	325



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Prasekolah merupakan pendidikan awal yang diberikan kepada kanak-kanak untuk belajar mengenal huruf, mengeja dan juga membaca (Morrison, 2011). Dalam hal ini mereka diberikan pendedahan dengan mewujudkan persekitaran belajar yang menggunakan teori dan praktikal berbeza yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan yang diterapkan oleh guru di prasekolah untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Johari Hassan & Nur Aimi, 2011). Sehubungan dengan perkara ini, dalam usaha untuk memperkasakan sistem pendidikan prasekolah, kerajaan telah menubuhkan Akta Pendidikan 1996 yang mana sistem pendidikan prasekolah diangkat sebagai sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan polisi pendidikan awal kanak-kanak seawal umur 4 hingga 6 tahun. Perlaksanaan akta ini sebagai perintis perkembangan pendidikan pada peringkat awal untuk dikembangkan pada masa-masa seterusnya demi memastikan kelangsungan sistem pendidikan lebih bermutu apabila mereka berada di alam persekolahan sekolah rendah kelak.

Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah berkualiti, pihak kerajaan telah menggaris polisi pendidikan prasekolah sebagaimana yang termaktub dalam agenda transformasi utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Hal ini berhubung kait dengan Laporan Tahunan 2017, PPPM 2013-2025 menyatakan pendidikan prasekolah merupakan satu keperluan dalam pembentukan asas kemahiran literasi dan numerasi dalam kalangan kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Sehubungan dengan itu, fungsi pendidikan prasekolah perlu diperluaskan secara lebih luas dan bersifat holistik untuk tujuan membantu pembangunan psikologi murid dan interaksi sosial bagi merangsang perkembangan menyeluruh kanak-kanak dari segi intelek, mental, emosi, sosial dan kerohanian. Kesemua aspek ini merupakan perkara yang amat penting dalam membantu pelajar untuk terus berprestasi selaras dengan hasrat penubuhan prasekolah di negara ini.

Atas matlamat tersebut pemeraksanaan prasekolah juga diperjuangkan oleh PPPM 2013-2025 menumpukan kepada pencapaian pelajar yang cemerlang menerusi amalan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), pembelajaran Abad 21, Revolusi Industri 4.0 dalam pendidikan *Science, Technology, Engineering, And Mathematics* (STEM) dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Selanjutnya kaedah pembelajaran ini dituntut untuk dilaksanakan ke semua pelajar prasekolah secara menyeluruh tanpa mengira, jantina, etnik, atau status sosioekonomi. Hal ini menggalakkan perkembangan pendidikan bersepadu dan berkembang secara aman damai dan harmoni. Oleh yang demikian, usaha ini merupakan suatu strategi yang dibentuk untuk memastikan pendidikan prasekolah di negara ini berkembang dengan baik.

Dari segi latar belakang Pendidikan Prasekolah di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu yang pertama dikendalikan oleh sektor awam dan yang kedua dikendalikan oleh pihak swasta. Prasekolah awam pula dikendalikan oleh tiga agensi utama iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Hasil usaha bersepadu agensi prasekolah awam telah melonjakkan peningkatan peratus prasekolah yang mencapai standard minimum pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Sektor swasta juga telah memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan akses kepada kualiti pendidikan prasekolah. Bagi memastikan keselamatan dan kualiti

pendidikan prasekolah swasta terjamin, kerajaan telah menetapkan agar semua prasekolah swasta di Malaysia wajib berdaftar dengan Kementerian Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Pada dasarnya, persamaan matlamat bagi kedua jenis prasekolah yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta adalah sebagai satu cara untuk merealisasikan agenda utama dalam PPPM 2013-2025. Ini adalah kerana pendidikan prasekolah adalah peringkat terpenting bagi membentuk emosi, fizikal, sosial, dan perkembangan pemikiran kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan 4 hingga 6 tahun yang bertujuan sebagai persediaan untuk melangkah ke sekolah rendah. Semasa belajar di peringkat prasekolah kanak-kanak memperoleh asas komunikasi, kemahiran sosial, dan kemahiran lain yang positif dari aspek fizikal, kognitif, emosi, rohani dan nilai estetika. Justeru, salah satu subjek yang dapat membentuk perkara tersebut adalah menerusi pengenalan mata pelajaran pendidikan muzik. Pendidikan Muzik merupakan salah satu mata pelajaran dalam Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Dalam tinjauan Ismail *et al.*, (2018) menunjukkan, semua murid yang terlibat dalam kajian berpendapat bahawa aktiviti permainan alat muzik sangat sesuai untuk mereka diikuti aktiviti persembahan muzikal, teori muzik dan nyanyian.

Dalam imbauan sebelum ini terdapat kesan positif terhadap pencapaian dari segi akses kepada pendidikan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia sekali gus memperlihatkan usaha yang ditekankan untuk meningkatkan pendidikan berkualiti dari pendidikan prasekolah hingga menengah. Ini membuktikan bahawa kerajaan sangat komited meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah dan numerasi dalam kalangan murid. Pendidikan prasekolah juga diperluaskan kepada pembangunan psikologi murid dan melalui interaksi sosial dapat merangsang aspek mental, emosi, sosial dan kerohanian kanak-kanak. Persekitaran prasekolah yang kondusif adalah penting untuk pembangunan sahsiah, psikologi dan intelektual kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Sepintas lalu ringkasan menunjukkan tahap pencapaian dari segi akses kepada pendidikan, kualiti dalam

pendidikan, ekuiti dalam pendidikan, perpaduan melalui pendidikan dan kecekapan dalam pendidikan kualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Sebagai pendidik prasekolah bertanggungjawab dalam membentuk modal insan yang berkualiti seawal umur prasekolah guru-guru prasekolah perlu memastikan mereka telah mengaplikasikan visi dan misi pembelajaran sepenuh yang terkandung dalam Aspirasi Murid yang bermatlamatkan setiap seorang daripada pelajar prasekolah memiliki enam kemahiran yang iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti Nasional yang utuh sebagai rakyat Malaysia (Aliza Ali, 2012). Transformasi pendidikan ini dijalankan bagi menyahut cabaran dalam pendidikan abad ke 21 seperti mana yang disuarakan oleh kebanyakan sarjana dalam dan luar negara. Perlaksanaannya juga bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa.

Pendidikan muzik merupakan salah satu tunjang pembelajaran dalam Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika di dalam dokumen standard Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2017. Antara rasional pendidikan muzik dalam pendidikan prasekolah kebangsaan adalah untuk mengembangkan daya kreatif dan estetika kanak-kanak. Aktiviti muzikal seperti mendengar, meneroka dan mencipta dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang. Manila (2020) berpandangan kemahiran mendengar dan mencipta dalam kurikulum pendidikan muzik memberi manfaat besar terhadap perkembangan daya kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah kanak-kanak. Sementara itu, Ongko (2009) pula berpendapat bahawa muzik mempunyai sumbangan besar dalam perkembangan kanak-kanak. Elemen daya kreativiti, ciptaan dan penyelesaian masalah sangat sinonim dengan aspirasi pembelajaran abad-21.

Berdasarkan kandungan KSPK 2017, Tunjang Kreativiti dan Estetika pendidikan muzik terdiri daripada beberapa aktiviti dan kemahiran yang harus diajar